

## Benarkah sistem kuota menindas bukan Melayu?



APA-APA jua dakwaan wujudnya sistem kuota dalam sektor pendidikan hendaklah ditangani dengan cermat agar perasaan etnik Melayu dan bumiputera tidak terguris manakala etnik bukan Melayu pula berasa puas hati. – FACEBOOK UTEM

Oleh Teo Kok Seong 5 Disember 2023, 8:00 am



DAKWAAN bahawa sistem kuota yang diamalkan di negara ini dalam beberapa sektor antaranya pendidikan bukan sahaja tidak adil, juga menindas, iaitu menganiaya lagi kejam adalah serius. Ia menjadi lebih serius apabila dilakukan dalam majlis pendidikan yang formal lagi mulia, iaitu konvokesyen dan pula oleh pemenang kepada anugerah pengajian tinggi paling berprestij. Selain bersifat rasmi kerana disampaikan dalam majlis formal yang...